


Majalah bulanan agama yang terkenal



Tuan Haji Ghazali Imam Besar Masjid Negara sedang membaca doa di dalam majlis penutup Peraduan Membaca al-Qur'an Peringkat Antarabangsa malam 21 Ramaḍān 1387 yang lalu yang telah diadakan selama empat malam berturut-turut di Stadium Merdeka. Di antara kandungan doa beliau ialah memohon ke Hadrat Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* agar perjuangan umat Islam menentang pencerobohan boneka penjajah (Israel) mendapat kejayaan yang gilang-gemilang dan supaya bumi Palestin yang telah dirampas oleh bangsa Yahudi pada tahun yang lalu akan segera dikembalikan ke tangan orang-orang Islam.